



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI JOHOR

Tingkat 8 & 11, Lot 20485

Menara Tabung Haji

Jalan Ayer Molek

80720 Johor Bahru

JOHOR DARUL TA'ZIM

Telefon : 07-2249244/2239318

Faks : 07-2239322

Portal Rasmi : www.anm.gov.my

Rujukan Kami : ANM.JB(T)/341 (3)

Tarikh : 13 November 2022

12-Rabiulakhir 1444H

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB DAN PEJABAT PEMUNGUT
JABATAN PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR**

YBhg. Datuk/ Dato /Datin/ Tuan/ Puan,

**JEMPUTAN TAKLIMAT PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2022 JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA NEGERI JOHOR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Johor akan mengadakan Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2022 seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 22 November 2022 (Selasa)
Masa : 7.30 pagi hingga 2.00 petang
**Tempat : Dewan Besar Pusat Islam Iskandar Johor
Jalan Masjid Abu Bakar, 80990 Johor Bahru, Johor**

3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan atau wakil adalah dijemput untuk menghadiri taklimat ini mengikut kuota kehadiran seperti yang ditetapkan di **Lampiran 1**. Adalah dipohon pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan untuk membuat pengesahan kehadiran dan mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan Penutupan Akaun Tahun 2022 **selewat-lewatnya pada 15 November 2022 (Selasa)** melalui *link* berikut:

**[https://drive.google.com/drive/folders/1HyLGGTUOmEj0msKtkfcAXebN2aYUrW9A?
usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/1HyLGGTUOmEj0msKtkfcAXebN2aYUrW9A?usp=sharing)**

Pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan juga adalah disyorkan untuk membuat pengesahan kehadiran lebih awal bagi melancarkan urusan pendaftaran masuk ke taklimat tersebut. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung dengan taklimat ini, pihak YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai seperti di **Lampiran 2**.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,


(**MASAYU BINTI MUSTAFA C.A(M)**)
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Johor